

MODUL
BAHASA MELAYU
SJK
TAHUN 5
UNIT 21 BIJAK MENGURUS
WANG

NAMA : _____

KELAS : _____

UNIT 21 BIJAK MENGURUS WANG

Simpanan Menjamin Masa Depan

Abor dan ayahnya ke Balai Raya Taman Sejahtera. Ayahnya mahu menambah pelaburan dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB). Semasa di sana, Abor dan ayahnya terserempak dengan bapa Yi Ying dan bapa Kishan. Mereka sedang mendengar taklimat tentang pelaburan Amanah Saham Wawasan 3 daripada Unit Bergerak Amanah Saham Nasional Berhad.



The advertisement features a yellow and red ASNB mobile unit van with a person standing next to it. Text on the van includes 'TEMUI UNIT BERGERAK ASNB' and 'ASNB'. The background is yellow with purple and red accents.

ASNB AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD

5 Ogos 20□□ (Khamis)
9:00 pagi – 2:30 petang
Balai Raya Taman Sejahtera

KAUNTER UNIT BERGERAK ASNB @TAMAN SEJAHTERA

KELEBIHAN

- Pelaburan yang selamat
- Merancang masa depan anda
- Mengurus kewangan dengan baiknya
- Memupuk disiplin dalam perancangan kewangan

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

- ✓ Tambah pelaburan
- ✓ Semak baki
- ✓ Urus pelaburan anak-anak
- ✓ Daftar akaun baharu

Warganegara Malaysia yang lahir dari 1 Januari 20□□ hingga kini diberi insentif Unit Amanah percuma berjumlah RM200.00 sebagai dana tabungan permulaan untuk bayi anda.

Ketika menunggu ayahnya, Abor membaca gegantung di balai raya.

Abor : Ayah, mengapakah kita ke kaunter Unit Bergerak ASNB ini?

Encik Ensut : Kita ke sini untuk mendapatkan maklumat tentang _____

Abor : Bolehkah Abor membuka akaun ASB?

Encik Ensut : Boleh, Abor. Mengapakah Abor hendak _____

Abor : Abor juga hendak menyimpan wang _____ dalam kerana _____

Encik Ensut : Ayah juga hendak membuka akaun ASB untuk adik kamu yang baru lahir bulan lepas demi masa depannya.

Abor : Saya setuju, ayah. Pada pendapat saya, _____

Kepentingan Harga Seunit Barangan

MAJALAH PENGGUNA

Pembeli boleh membeli barangan secara seunit atau pukal di pasar raya. Hal ini dikatakan demikian kerana pasar raya menjual pelbagai jenis produk dengan jenama dan saiz berbeza.

Setiap pembeli perlu bijak merancang pembelian. Pembeli perlu membandingkan harga tanpa terpengaruh dengan tawaran harga pukal. Mereka boleh membuat pilihan sama ada mahu membeli satu barangan atau membeli secara pukal.

Walau bagaimanapun, terdapat pembeli yang membeli seunit barangan sahaja. Pembelian sebegini dapat membantu pengguna menjimatkan perbelanjaan. Mereka hanya perlu membeli barangan yang menawarkan harga yang terbaik. Mereka tidak akan berbelanja secara berlebihan dengan membeli barangan secara pukal.

Bil: 21 | MS24

Promosi sehingga 23/11/2020

Jmart

BANDINGKAN HARGA KAMI

Harga Seunit Barangan

RM5.90	LAZAT	RM6.50	EDA
	Sardin A		Sardin B
RM2.90	LAZAT	RM2.50	EDA
	Kacang Hijau A		Kacang Hijau B

Jualan secara Pukal

RM132.00	Jenama Sardin A (24 tin)
RM154.90	Jenama Sardin B (24 tin)
RM30.00	Kacang Hijau A (24 tin)
RM30.00	Kacang Hijau B (24 tin)

1. Apakah yang perlu kamu lakukan sebelum membeli barangan di pasar raya?

2. Nyatakan pilihan sama ada kamu hendak membeli barangan secara pukal atau seunit barang di pasar raya. Jelaskan kelebihan dan kekurangannya.

Lawatan ke Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia

Menulis maklumat pada carta alir




Pada hari Sabtu, 16 Oktober 20□□, murid Tahun 5 Zamrud melawat ke Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia. Lawatan ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada murid mempelajari sejarah mata wang negara kita. Selain itu, mereka juga dapat belajar tentang cara pengurusan wang yang baik.

Galeri Kanak-kanak

Semasa di Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia, mereka ke Galeri Kanak-kanak. Di galeri ini, mereka mendapat ilmu tentang pengurusan kewangan melalui konsep "Simpan, Belanja dan Kongsi". Mereka juga diajar tentang cara menyimpan dan mengeluarkan wang di Mesin Teler Automatik (ATM). Selain itu, mereka diberi maklumat tentang risiko menyimpan wang di rumah. Mereka juga diajar tentang cara berbelanja mengikut keperluan.

Kemudian, mereka ke Galeri Numismatik untuk mengenali mata wang yang dikeluarkan oleh kerajaan kesultanan Melayu dan negara luar seperti China dan Eropah. Di sini, mereka dapat melihat pelbagai bentuk mata wang yang unik. Ada mata wang yang berbentuk gajah, ayam, belalang dan jongsong timah. Mereka juga berpeluang bermain "Permainan Sistem Barter". Sistem barter ialah amalan pertukaran barang tanpa menggunakan wang yang diamalkan oleh masyarakat pada masa dahulu. Selain itu, mereka diberi penerangan tentang ciri-ciri keselamatan pada wang kertas Malaysia.

Galeri Numismatik



Pandai Membeli Bijak Menjual

(menukar ayat susunan biasa kepada ayat susunan songsang dan ayat susunan songsang kepada ayat susunan biasa)

Ayat susunan biasa	Ayat susunan songsang
Ayah telah lama menyimpan wang tersebut	
	Jika menukarkannya sekarang, ayah akan untung. Dengan keuntungan itu, ayah dapat menambah simpanan wang kamu.
	Jika ayah menjual satu Dolar Australia (AUD), ayah akan mendapat RM2.80.
Ayah mendapat untung sebanyak 30 sen bagi setiap Dolar Australia tersebut.	

Pemulihan

Cari makna perkataan di bawah

Perkataan	Ayat Pasif
gagal	
Kental	
Dana	
Cekal	
laris	
Kukuh	
tekun	
amanah	

Pengukuhan

Jawab soalan dan catat maklumat


Lidim dan keluarganya menziarahi mak ciknya, Puan Kartina, di Kota Kinabalu. Lidim kagum akan kejayaan mak ciknya. Lidim bertanya tentang kejayaan mak ciknya yang menjadi usahawan makanan laut terkenal. Mak Cik Kartina tersenyum. Beliau menunjukkan blognya. Dalam blog itu, terdapat gambar kegiatan perniagaan beliau.

The screenshot shows a blog page with the following content:

- Top Navigation:** LAMAN UTAMA, AKTIVITI USAHAWAN, VIDEO, ARTIKEL, MOTIVASI, HUBUNGI. There is also an email subscription field.
- Article 1:** Illustration of Puan Kartina buying fresh seafood from a fisherman. Text: "Puan Kartina membeli makanan laut yang segar seperti ketam, udang dan ikan daripada nelayan."
- Article 2:** Illustration of Puan Kartina packaging seafood into bags. Text: "Puan Kartina membuat pembungkusan makanan laut yang telah diproses dengan bungkusan yang kemas dan cantik."
- Article 3:** Illustration of Puan Kartina holding a bag of 'KEROPOK UDANG'. Text: "Harga makanan laut yang dijualnya murah dan berkualiti."
- Article 4:** Illustration of Puan Kartina sitting at a table eating. Text: "Makanan laut yang dijual oleh Puan Kartina sememangnya sedap."
- Right Sidebar:** "Tentang Saya" (About Me), "Lihat profil lengkap saya", "Pengikut" (Followers) with 11 users, and a "Ikuti" (Follow) button.

1. Pada pendapat kamu, wajarkah Puan Kartina meluaskan perniagaannya ke luar negara. Jelaskan.

2. Lengkapkan peta pokok tentang faktor kejayaan Puan Kartina



Penilaian

Bina ayat

1. Encik Subra memberi Kishan buku wang saku.

Ayat Perintah – Sila _____

Ayat Pasif – Kishan _____

Ayat susunan songsang – Memberi Kishan _____

2. Kishan mencatat wang perbelanjaan harian tadi.

Ayat Perintah – Minta _____

Ayat Pasif – Wang perbelanjaan _____

Ayat susunan songsang – Tadi _____

- 3.



Ibu _____

Ayat Perintah – _____

Ayat Pasif – _____

Ayat susunan songsang – _____

B. Tulis maklumat lengkap berdasarkan grafik

